

SIARAN MEDIA

NRECC JALIN KERJASAMA ERAT DENGAN KERAJAAN NEGERI DALAM TADBIR URUS ALAM SEKITAR

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) komited untuk mengeratkan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memastikan dasar, program dan aktiviti diselaraskan dengan baik di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pengurusan dan tadbir urus alam sekitar agar agenda kelestarian negara dapat direalisasikan.

Komitmen ini diperlihatkan menerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bilangan 1 Tahun 2023 yang diadakan pada 10 April 2023 (Isnin) di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah dihadiri oleh Menteri-menteri dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan alam sekitar dari semua negeri serta pegawai-pegawai Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan alam sekitar di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sebanyak tiga (3) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman telah dibentangkan di dalam mesyuarat yang berlangsung selama dua (2) jam itu. Jabatan Alam Sekitar (JAS) membentangkan dua kertas pertimbangan iaitu “Pemantapan Perancangan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan ke arah Malaysia Lestari” dan “Pemantapan Kawalan Pencemaran ke arah Meningkatkan Kualiti Alam Sekitar”. Melalui kedua-dua kertas ini, **Mesyuarat bersetuju untuk mengeratkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan dapat diseimbangkan dengan keperluan pemeliharaan alam sekitar bagi memastikan agenda kelestarian Negara dapat dicapai.**

Mesyuarat turut membincangkan mengenai **kerjasama untuk memperkasakan pelaksanaan inisiatif bandar rendah karbon secara menyeluruh bagi mencapai sasaran pengurangan karbon secara mutlak** melalui program-program yang dilaksanakan oleh NRECC dan *Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation* (MGTC) seperti mengutamakan perolehan hijau di peringkat tempatan menerusi Program Perolehan Hijau Kerajaan, mempergiat penyertaan dalam Program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030, pembangunan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari (SPTL) dan Inisiatif Rumah Ibadat Hijau, menggalakkan pengurusan gas rumah kaca di peringkat organisasi menerusi *Low Carbon Operating System* (LCOS), mempercepat pemasangan stesen pengecas kenderaan elektrik dan sebagainya.

Kertas makluman yang dibentangkan termasuklah makluman berkaitan dengan program sambutan **Hari Alam Sekitar Negara yang akan disambut pada 21 Oktober 2023**, dengan sambutan peringkat kebangsaan akan diadakan di Johor serta penganjuran *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM) 2023 akan diadakan pada 4 hingga 6 Oktober 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan tema “*Race Towards Net Zero: Leadership for Climate Action*”.

NRECC turut membentangkan dua (2) kertas makluman mengenai “Mekanisme Pasaran Karbon Pematuhan dan Sukarela” serta kajian “Indeks Prestasi Alam Sekitar atau MyEPI”.

MyEPI merupakan satu indeks peringkat negara yang mengukur prestasi alam sekitar di negeri-negeri seluruh Malaysia. Indeks ini dijangka akan dapat membantu pihak berkuasa mengenalpasti secara terperinci isu-isu semasa dan berkeutamaan tinggi mengenai alam sekitar di negara ini. Ini akan dapat memberikan kelebihan kepada pihak berkuasa untuk merancang dan menumpukan usaha bagi mengatasi isu dan masalah alam sekitar yang perlu diberikan perhatian berdasarkan skala permasalahannya.

NRECC juga sedang merangka ketetapan dasar dan proses-proses utama berkaitan pasaran karbon di bawah *The United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) dan Perjanjian Paris. Sesi libat urus dengan pihak pemegang taruh termasuk kerajaan negeri akan dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan mekanisme pasaran karbon oleh entiti awam dan swasta di Malaysia

adalah selari dengan keputusan UNFCCC dan mengambil kira kepentingan negeri-negeri di Malaysia.

Kesemua komitmen ini juga selaras dengan konsep Malaysia MADANI yang diilhamkan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, dalam usaha mencapai kemajuan kebendaan mencakupi tonggak kemampanan dan kesejahteraan rakyat.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

11 APRIL 2023

